

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2021

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2
November 2021

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

Nur Hizwani binti Halid 55

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A
SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1 : Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata kerja terbitan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang membabitkan semua negara menunjukkan bahawa Malaysia antara negara yang merekodkan jumlah kematian tertinggi akibat daripada kemalangan jalan raya. Berdasarkan 25 kes kematian bagi setiap 100 ribu orang penduduk pada tahun 2017, kadar kematian kerana kemalangan di Malaysia adalah tinggi berbanding dengan Singapura, Sweden dan Belanda. Oleh itu, jika pemanduan rakyat di negara ini masih tidak berubah dan masih banyak pemandu yang melanggar undang-undang jalan raya, tidak mustahil kita akan menyaksikan lebih banyak kes kemalangan dan kematian dicatatkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Nahas Jalan Raya Meningkat: Salah Siapa?'
Oleh Suraya Samsuddin
Dewan Masyarakat, Bil 9/2018

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi tiga ayat yang bergaris.

Subjek : _____

Predikat : _____

Sebagai usaha berterusan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan program dan aktiviti kesedaran serta pendidikan alam sekitar dan penyebaran maklumat untuk pelbagai peringkat masyarakat. JAS telah meningkatkan perkongsian pintar dan strategik dalam pelaksanaan program kesedaran alam sekitar. Perkongsian pintar ini ialah satu langkah proaktif untuk menangani masalah alam sekitar mulai tahun 2018. Program atau aktiviti yang dianjurkan oleh JAS dengan kerjasama Rakan Strategik Alam Sekitar melibatkan agensi kerajaan dan sektor swasta. Selain itu, JAS telah mengadakan pelbagai program berkaitan dengan alam sekitar yang meliputi pelbagai kumpulan sasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Pemulihan Ekosistem Tanggungjawab Bersama’.

Oleh Zuraini Ahmad Tajudin dan Shazana Mohd. Ibrahim,

Dewan Kosmik, Bil. 07/2021

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Harimau belang atau nama saintifiknya Panthera tigris jacksoni, sinonim dengan sapaan “Harimau Malaya” atau “Pak Belang” di kalangan masyarakat di Malaysia. Harimau Malaya dikenal dengan rupanya yang garang, pésona warna, bentuk belang di badannya dan ngaumannya yang mengerunkan semua haiwan di seluruh pelusuk rimba. Harimau Malaya menjadi simbol rasmi kerajaan Malaysia yang diperlihatkan melalui Jata Negara Malaysia selain daripada digunakan sebagai lambang organisasi, institusi, penubuhan, dan sebagainya. Harimau Malaya ialah ikon yang berlambangkan keberanian, perpaduan dan integriti negara. Daripada sudut sains, Harimau Malaya merupakan puncak rantai makanan dalam eko-sistem kita.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Harimau Malaya : Kemandirianya di Tangan Kita’

Oleh Hazril Rafhan Abdul Halim,

Dewan Kosmik, 07/2021

[11 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia fikir dalam hatinya. "Dialah gerangan hulubalang Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan."

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*.
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua peribahasa** yang terdapat dalam petikan. Kemudian beri peribahasa lain yang **sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Encik Farid menyimpan wang secara sehari selembar benang, lama-kelamaan menjadi kain kerana gemar melancung ke luar negara setiap tahun. Dia menganggap bahawa semua orang dapat melancung jika bijak menabung kerana di mana ada kemahanan, di situ ada jalan. Mereka diterima oleh penduduk tempatan kerana mereka bijak menyesuaikan diri dengan cara hidup di tempat tersebut. Mereka berbuat demikian kerana bagi mereka di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

[4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
[35 markah]

Soalan 6 : Petikan Umum

Baca Bahar 1 dan Bahar 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Silat ditakrifkan sebagai "pergerakan dua tangan, dua kaki dan akal yang waras untuk membela diri". Silat merupakan seni pertahanan diri orang Melayu yang mencapai kegembilangannya ketika zaman kerajaan Melayu Melaka. Silat Melayu mula berkembang di persada dunia pada tahun 1980-an apabila beberapa orang tokoh telah membawa silat ke peringkat antarabangsa.

Seni bela diri ini menitikberatkan penggunaan keris yang menjadi lambang jati diri Melayu dan satu-satunya senjata khusus orang Melayu. Seni ini dicipta untuk mempertahankan aqidah, maruah dan pusaka bangsa daripada dijarah penceroboh. Oleh sebab itu, silat menerapkan ilmu spiritual atau keagamaan untuk memperkuat aspek rohani pengamalnya. Selain itu, silat juga menekankan adab dan budaya Melayu yang menjadi teras kepada peradaban dan jati diri Melayu. Hingga kini, terdapat ribuan aliran dan perguruan silat di Tanah Melayu dan di serata dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
 'Silat di Persada Dunia'
 Oleh Tengku Nara Paduka,
Dewan Budaya, Bil. 04/ 2021

Bahan 2

Tarian inai, atau dikenali juga sebagai Terinai, merupakan sejenis tarian unik dan popular dalam kalangan masyarakat di Kelantan, khususnya penduduk di daerah Pasir Mas. Kampung Kubang Binjal merupakan satu daripada kampung yang amat popular dengan tarian inai dalam kalangan masyarakatnya, berbanding dengan persembahan tarian tradisional lain. Tarian ini telah wujud kira-kira abad ke-18, terutamanya dalam persembahan tarian makyung.

Penggunaan inai dalam tarian ini penting sebagai simbolik untuk meraikan anak gadis dalam majlis perkahwinan dan dalam majlis berkhatan. Berdasarkan catatan sejarah, tarian inai wujud pada awal tahun 1940-an yang dibawa dan diperkenalkan oleh Tuan Sulong. Tarian inai ini menggabungkan gerak seni silat, makyung dan sendo, dengan gerakan perlahan dan terkawal. Tarian inai merupakan *karya unik* yang seharusnya dipertahankan oleh generasi akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
 'Tari Inai : Tradisi Unik yang Hampir Pupus'
 Oleh Muhammad Safwan Subaidin,
Dewan Budaya, Bil. 07/ 2021

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *karya unik*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan ciri-ciri yang terdapat dalam seni pertahanan diri silat dan tarian inai.
[3 markah]
- (iii) Arus kemajuan dan perubahan zaman telah menyebabkan warisan bangsa semakin lenyap.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan masyarakat Malaysia mengekalkan warisan bangsa ?
[3 markah]
- (iv) Sekolah anda telah mengadakan Hari Kokurikulum peringkat sekolah. Persembahan kebudayaan setiap kaum diadakan pada hari tersebut. Semasa kumpulan tarian membuat persembahan, terdapat beberapa orang murid mentertawakan pelajar-pelajar yang membuat persembahan dan melakukan aksi yang kurang sopan.
Selaku ketua pengawas sekolah, nyatakan tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan untuk memastikan situasi tersebut tidak berulang.
[4 markah]

Soalan 7 : Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**Sebatang Kara**

yang ada di sini
hanyalah sebuah pondok
kecil dan terpencil
tanpa halaman
tersandar di kaki bukit
di antara kali sepi
dan tanah merekah

yang ada di sini
hanyalah seorang nenek
tua dan kerdil
tanpa suara
mencari cucunya yang hilang
di lingkaran mimpi yang
berkabut
yang ada di sini
hanyalah sebuah pelita
tersangkut di paku
tanpa cahaya
hanyalah sebuah kemenyan
terbakar
di malam-malam hitam sayu

T. Alias Taib
Lukisan Zaman,
Siri Sastera Marwilis Publisher

Bahan 2

Semua mata tertumpu kepada JIMAH. JIMAH menahan sebak. Terketar-ketar bibirnya menahan keduakaannya. Setelah dia dapat mengawal diri, baru JIMAH bercakap.

JIMAH : Sepatutnya kehadiran kamu pada kala aku dan bapa kamu *ditimpah musibah*, menggembirakan hati aku. Bantu semangat aku yang sudah luntur. Bantu ringankan beban derita yang aku tanggung. Tapi meleset sekali sangkaan aku. Kamu cuma fikirkan kerja, fikir duit,fikir kerugian, fikir suami, ingat isteri. Berapa duit kamu habis berbelanja ? Ratus ribu ? Huh. tiada belas kasihan langsung ! Kamu ingat duit ringgit yang kamu beri tiap-tiap bulan itu sudah cukup untuk gembirakan kami! Duit ringgit bukan ukuran untuk membala budi orang tua. Kami tidak perlu duit kamu. (*Berhenti seketika, menahan sebak di dada*) Kamu tidak malu pada Sani itu ? Dia tu anak pungut. Anak pungut. Bukan anak aku, tetapi dia lebih semua ini. Wan bukan anak aku. Dia menantu aku, tetapi dia hambakan dirinya untuk aku.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Tiang Cengal Dinding Sayung’
 Oleh Suriani Mohd.Yusof
 antologi *Dirgahayu Bahasaku*
 Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3**Pantun Perantau**

Dari ladang pergi ke gurun,
 Buluh duri melingkar kota,
 Hari petang hujan pun turun;
 Dagang berurai air mata.

Kajang tuan kajang berlipat,
 Kajang saya mengkuang layu,
 Dagang tuan dagang bertempat;
 Dagang saya tidak menentu.

Tudung saji hanyut terapung,
 Disulam mari dengan benang,
 Hajat hati pulang ke kampung;
 Lautan lebar tidak terenang.

Bengis sungguh orang pangkalan,
 Lalu-lalang perahu dilarang,
 Menangis dagang sepanjang jalan;
 Mengenang nasib di negeri orang.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *ditimpa musibah*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan cabaran atau dugaan yang dialami oleh seseorang dalam kehidupan.
[4 markah]
- (iii) Seseorang akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan. Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan yang menyebabkan seseorang gagal untuk menghadapi cabaran dan dugaan tersebut ?
[4 markah]
- (iv) Sekolah anda terletak di kawasan pedalaman yang serba kekurangan dan terdapat ramai pelajar yang kurang berkemampuan. Sekolah anda telah mengadakan kegiatan amal untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Anda berhasrat untuk membantu pihak sekolah menjayakan aktiviti tersebut.
Selaku ketua tingkatan di sekolah, nyatakan usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk membantu pihak sekolah anda menjayakan aktiviti tersebut .
[3 markah]

Soalan 8 : Novel

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Walaupun ada sedikit perasaan gemuruh dalam dirinya tetapi Haiqal dapat mempersebahkan tarian zapinnya dengan baik sekali. Setiap kali dia mengambil tempat di hadapan pentas itu, tepukan yang gemuruh bergema malah ada beberapa orang tua yang menyaksikan Haiqal menari itu dengan linangan air mata.

Lazim turut hadir pada malam itu walaupun terpaksa dipapah oleh rakan-rakannya. Dia juga sentiasa bersorak memberikan kata-kata perangsang kepada Haiqal dan See Hwa. Ketika lagu Anak Ayam dimainkan, Haiqal dan See Hwa sekali lagi menari berpasangan atas permintaan YB Datuk Saiful Azizi sendiri. Beliau begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal.

Ketika asyik menari, mata Haiqal terpandang tiga susuk manusia yang cukup dikenalinya. Mereka berdiri di bahagian belakang balai tempat duduk penonton sambil tersenyum. Kehadiran tetamu istimewa itu langsung tidak pernah diduganya.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Oleh Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan reaksi penonton yang menyaksikan persembahan tarian zapin secara berpasangan oleh Haiqal dan See Hwa?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:*

- Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- Tirani, karya Beb Sabariah
- Silir Daksina, karya Nizar Parman
- Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan dua novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang menjadi panduan hidup kepada pembaca.

[6 markah]

Soalan 9 : Rumusan

| 30 markah |

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Sekolah Sukan Malaysia (SSM) satu program jangka pendek dan jangka panjang yang berstruktur sebagai pusat kecemerlangan sukan bagi mengumpulkan murid yang berpotensi dan berbakat cemerlang untuk dilatih di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi. Murid SSM menjalani latihan secara sistematis dan berterusan serta diberikan pendedahan untuk menyertai pertandingan atau kejohanan hingga peringkat antarabangsa. Selain bidang sukan, murid SSM juga mengikuti sistem akademik yang sama seperti sekolah arus perdana kerana penubuhan SSM adalah untuk meningkatkan kemahiran murid dalam bidang sukan dan akademik. Lantaran itu, SSM membolehkan murid berpeluang untuk menjalani latihan dan menyertai pertandingan bertaraf antarabangsa.

Dalam bidang akademik pula, murid Jepasan SSM berpeluang melanjutkan pelajaran dan menjalani latihan sukan di institusi pengajian tinggi. Misalnya, atlet terjun negara, Pandeleta Rinong dan Dato' Muhammad Azizulhasni Awang, atlet berbasikal negara yang mendapat latihan di luar negara seterusnya cemerlang di Sukan Olimpik. Selain itu, murid SSM layak mendapat laluan khas untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Jadi, murid bukan sekadar bersukan tetapi berjaya juga dalam bidang akademik. Sementara itu, penubuhan SSM juga menjadi pusat penyebaran pengetahuan dan kemahiran yang dapat memenuhi syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Hal ini sudah pasti menjamin masa hadapan murid lepasan SSM untuk menempuh kehidupan sebenar kelak.

SSM juga sentiasa mengutamakan kebijakan murid dari aspek kewangan, pembelajaran, perubatan dan pemakanan. Misalnya, kejayaan atlet badminton Chan Peng Soon dan Goh Liu Ying serta Goh V Shem dan Tan Wee Kiong yang mendapat manfaat daripada penubuhan SSM sehingga mampu mencipta nama di persada dunia. Sementara itu, murid disediakan kemudahan sukan yang lengkap, kondusif dan mengikuti piawai untuk kegunaan latihan serta pertandingan. Perkara ini menepati matlamat SSM yang menjadi pusat kecemerlangan sukan yang berjalan secara sistematis. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah Malaysia mampu melahirkan ramai atlet bertaraf dunia yang mengharumkan nama negara sebaris dengan atlet profesional di serata dunia.


Dipetik dan diubah suai daripada

"Sekolah Sukan Malaysia : Melahirkan Atlet Bertaraf Dunia"

Oleh Bahagian Sukan dan Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Dewan Siswa, Bil. 09/2021

Bahan 2

Sekolah Sukan Malaysia (SSM)

Meningkatkan tahap pengetahuan dan pengalaman atlet murid dalam bidang sukan



Menjadi pusat kecemerlangan sukan ke arah pencapaian atlet bertaraf antarabangsa



Memupuk dan menggalakkan nilai-nilai kepimpinan dan semangat kesukanan

KERTAS SOALAN TAMAT